ia adalah berwarna 'Straw – colored', cecair jernih adalah 90 % air dan ia bahan yang perlu untuk perjalanan di dalam badan. Ia seperti plasma di mana lebih penting tiada sel darah membawanya. Tetapi ia seperti yang dikatakan di aliran yang penting seperti ikan berenang dalam air. Anda tidak boleh ada satu sama yang lain.

Lain daripada air, plasma juga mengandungi garam dan mineral seperti kalsium, sodium, magnesium dan potassium. Antibody 'microbe – fighting' melalui ke 'battle fields' bagi penyakit dengan perjalanan yang sangkut dalam plasma.

## 2.16 RESPIRASI. LUNG TRANSPLANT.

### 2.16.1 SISTEM PENGHANTARAN OKSIGEN.

Fungsi utama bagi sistem respirasi adalah membekalkan darah dengan oksigen di dalam arahan untuk darah ke penghantaran oksigen ke dalam darah.

Respirasi adalah dicapai melalui mulut, hidung, trakea, paru – paru dan diafragma. oksigen memasuki sistem respiratori melalui mulut dan hidung. Oksigen kemudian melalui larynx (di mana bunyi percakapan dilakukan) dan trakea adalah tiub yang memasuki cavi di dada. Dalam cavi di dada, trakea 'split' di dalam tiub yang memasuki cavi di dada. Setiap bronkus kemudian membahagi kembali tiub bronchial;

Tiub bronchial menunjukkan terus ke dalam paru – paru di mana ia dibahagikan ke dalam tiub kecil di mana, disambungkan ke 'tiny sacs' yang dipanggil alveoli. Purata dewasa paru – paru mengandungi kira – kira 600 juta bagi 'spongy', 'air – filled



sacs' dilingkari dengan kapilari. Oksigen yang disedut melalui dalam alveoli dan kemudian menumpu melalui kapilari di dalam arteri darah.

Sementara itu, darah yang kotor dari vena membebaskan karbon dioksida di dalam alveoli. Karbon dioksida mengalir pada bahagian sama ada luar paru – paru. Kemudian anda menghembus. Tugas diafragma adalah membantu mengepam karbon dioksida keluar dari paru – paru dan memasuki oksigen di dalam paru – paru. Difragma adalah kepingan dari otot yang baring melintasi bawah bagi caviiti dada. Difragma mengecut, oksigen dan rehat, menarik nafas mengambil alih tempatnya. Apabila difragma mengecut, oksigen memenuhi di dalam paru – paru. Apabila difragma rehat, karbon dioksida dipam keluar dari paru – paru.

## 2.17 CADAVERIC LUNG TRANSPLANT.

### 2.17.1 TRANSPLANT SINGLE BAGI PARU – PARU.

Penurisan atau pembedahan dibuat pada bahagian dada. Jika tekanan darah pesakit dan kepekatan oksigen melalui pada saluran darah ke paru – paru pada bahagian adalah diapit tidak berapa lama, tiub boleh dimasukkan untuk menyambungkan ke mesin 'Heart Lung'. Ia boleh menyokongedaran pesakit sehingga paru – paru baru bersedia untuk mengambil alih. Paru – paru lama pesakit kemudiannya dipindahkan dan paru – paru baru di jahitkan, penyambungan saluran darah dan dari paru – paru (arteri pulmonary dan vena pulmonary) dan ke arah utama (bronkus). Pada akhir pembedahan, tulang rusuk di bawa kembali bersama dan penurisan atau pembedahan adalah ditutup dengan lapisan jahitan.



### 2.17.2 TRANSPLANT DOUBLE BAGI PARU – PARU.

Transplant paru – paru dua kali adalah sama seperti Transplant paru – paru. Sekali siap pada kedua – dua bahagian. Penurisan dibuat melintasi bahagian tengah bagi dada. Tulang dada adalah dipisahkan dan kedua – dua bahagian rongga dada akan dimasukkan antara tulang rusuk. Mesin 'Heart Lung' digunakan untuk menyokong peredaran semasa pembedahan. Paru – paru pada satu bahagian akan digerakan dan paru – paru baru akan dijahit di tempat tersebut. Kemudian diakhirnya, pembedahan tulang dadadiikat bersama; tulang rusuk di bawa bersama dan pemotongan dengan satu lapisan jahitan.

### 2.17.3 TRANSPLANT JANTUNG DAN PARU – PARU.

Penurisan dibuat di bawah dada tengah pesakit. Tiub diletakkan untuk menyambung padapesakit ke mesin 'Heart Lung'. Di mana ia boleh menyokong peredaran pesakit sehingga jantung baru bersedia untuk mengambil alih.

Apabila peredaran jantung atau paru – paru diterima, doctor atau pakar bedah akan menggantikan jantung dan paru – paru pesakit lama meninggalkan cuff bagi atrium (atas ruang pada jantung) dan akhir bagi laluan utama, di mana jantung baru akan dijahit. Aorta (saluran darah utama) juga dijahit pada aorta pada jantung yang diderma. Pada akhir bagi pembedahan tulang dadayang disambung bersama – sama dan penurisan atau pemotongan adalah dituutpi dengan lapisan jahitan.



## 2.18 APAKAH DIA 'OPEN - HEART'?

Semua pembedahan jantung tidak boleh dilakukan semasa jantung masih berdenyut atau berdegup, di mana ia penuh dengan darah. Maka pakar bedah akan menghentikan denyutan jantung tersebut.

Apabila pakar bedah melakukan ini dengan cermat, mereka perlu melihat dua perkara penting terlebih dahulu. Pertama badan perlu mendapatkan bekalan darah semasa atau tempoh tersebut. Dan lain lagi, jantung mesti mendapatkan sedikit perlindungan. Jadi ini boleh membuat ia kembali berdegup atau berdenyut normal selepas tempoh ii bagi memberhentikannya.

Ini selesai dengan menggunakan mesin 'Heart Lung'. Jantung tiruan pada mesin ini adalah pada pam pengolek metalik yang digunakan semula dan mengumpulkan darah dari badan dan mengepamnya kembali ke badan. Jantung tiruan pada bahagian ini digunakan satu sahaja unit yang boleh dibuang yang mana 'oxygenates' (purifies) mengumpul darah dengan pam.

Sebarang pembedahan jantung dilakukan dengan menggunakan mesin 'Heart Lung' yang dipanggil pembedahan 'Open Heart'. Semua pembedahan dilakukan dengan 'Sternomy'. Ia adalah pemotongan tegak di antara bahagian dada. Tulang dada juga dipotong dengan menggunakan gergaji elektrik. Pembedahan pertama dilakukan pada tahun 1953 oleh John Gibson apabila beliau berjaya menutup dengan ASD.

Dalam tahun 1954, Lillehei dan Colleagues berkerja di Universiti Minnesota berfikir mesin manusia Heart Lung. Pesakit kanak – kanak disambung pada salah



satu peredaran membuat mesin 'Heart Lung'. Bahagian paru – paru boleh mengoksidakan darah kanak – kanak dan ia kembali kepada kanak – kanak dengan menggunakan mesin ini. Ini disebut pengawalan perjalanan edaran. Banyak kes yang rumit berjaya dengan menggunakan teknik ini.

Semua pembedahan jantung dilakukan sekarang adalah pembedahan 'Open Heart'. Pakar bedah boleh menjaga pesakit dengan menggunakan 'Mesin Heart Lung'. Hanya untuk tempoh terhad. Contohnya, 6 – 8 jam, (kadang – kadang lebih). Pada pembedahan ia mesti dilakukan dalam masa yang tepat atau khusus. Ia perlu tinggal di hospital selepas pembedahan ini antara 5 – 10 hari.

Pembedahan pembukaan atau penutupan jantung adalah petak yang munasabah kedap air sampai ke hadnya baru – baru ini. Sedikit pembedahan 'Open Heart' adalah sekarang dilakukan tanpa memberhentikan jantung dan ia tidak boleh disebut seumpamanya. Ia dirujuk pada perberhentian pam pembedahan atau pembedahan degupan jantung.







### BAB 3 PENYAKIT JANTUNG

#### 3.1 PENYAKIT JANTUNG DAN PEMBULUH DARAH

Bila Anda berusia 20-an atau 30-an, penyakit jantung mungkin bukan merupakan sesuatu yang Anda pikirkan saat ini - Anda sedang sibuk merencanakan masa depan, tentunya. Tetapi justru masa depan merupakan alasan yang tepat bagi Anda untuk mulai memikirkan kesehatan jantung Anda. Penyakit jantung tidak terjadi dengan begitu saja. Faktor-faktor resiko terjadinya penyakit ini sudah dimulai sejak masa kecil dan remaja Anda. Kebiasaan-kebiasaan yang Anda lakukan sejak kanak-kanak dan terus Anda lakukan hingga Anda dewasa dapat menjadi faktor penentu resiko Anda untuk mengalami penyakit jantung.

Menurut Institut Jantung, Paru-paru dan Darah Nasional Amerika Serikat (*National Heart, Lung and Blood Institute*), penyakit jantung koroner merupakan penyebab kematian nomor satu baik bagi pria maupun wanita di Amerika Serikat, dimana jumlah kematian akibat penyakit ini mencapai lebih dari 500,000 jiwa tiap tahunnya. Penelitian menunjukkan bahwa sebagian besar kematian ini sebenarnya dapat dihindari dengan cara merubah gaya hidup guna mengontrol faktor resiko seperti merokok, kegemukan, kurang bergerak/berolah raga dan tingginya kadar kolesterol atau tekanan darah.

Jangan biarkan diri Anda diam-diam mengidap penyakit jantung - segera ambil langkah untuk mengurangi risiko Anda. Jawablah pertanyaan-pertanyaan berikut ini guna melihat apa yang Anda dapat lakukan untuk menolong jantung Anda.

Anda merokok? Bila Anda berhenti merokok, maka di tahun pertama saja resiko Anda untuk terkena penyakit jantung langsung turun hingga 50 persen. Meninggalkan



## APORAN PROJEK 2 (E 519).

rokok bukanlah hal yang mudah, dan semakin lama Anda merokok, akan semakin susah. Jadi lakukan yang terbaik bagi jantung Anda dan berhentilah merokok sekarang.

Apakah Anda kegemukan? Kelebihan berat badan membuat jantung Anda bekerja lebih keras dan menaikkan tekanan darah serta kadar kolesterol Anda. Menjaga berat badan yang sehat di masa dewasa Anda akan membantu menurunkan resiko terkena penyakit jantung.

Anda bersenam? Senaman secara teratur menguatkan jantung Anda dan dapat membantu menurunkan kolesterol serta tekanan darah. Selain itu, juga membantu Anda mempertahankan berat badan. Jadikanlah sebahagian dari hidup Anda untuk bersenam sedikitnya tiga kali seminggu selama 30 minit.

Sihatkah makan Anda? Apa yang Anda makan dapat mempengaruhi kesihatan jantung Anda. Pola makan rendah kalori dengan biji-bijian, buah serta sayuran dapat membantu Anda menurunkan kadar kolesterol dan mempertahankan berat badan.

Jangan tunggu lagi, peliharalah jantung Anda mulai sekarang. Bersukallah untuk masa depan Anda dengan berkebiasaan sihat mulai hari ini. Adalah penyebab kematian terbesar dibanyak negara. Semua orang mempunyai kemungkinan mendapatkan penyakit ini. Tetapi kita dapat memperkecil kemungkinan ini dengan melakukan beberapa langkah yang sederhana.

### 3.2 APA PENYEBAB PENYAKIT JANTUNG?

Anda mempunyai risiko lebih tinggi jika:

- Merokok
- Kolesterol tinggi
- Tekanan darah tinggi



## APORAN PROJEK 2 (E 519).

- Tidak olahraga (Exercise)
- Kelebihan berat badan (Overweight)

**Risiko Anda Lebih Tinggi Terkena Penyakit ini jika Anda Adalah Pewaris**

Orang tua Anda adalah penderita penyakit jantung pada usia enam puluhan, maka usaha untuk mengurangi risiko ini perlu lebih diperhatikan.

**Beberapa Langkah Menuju Kesehatan**

- Jangan merokok
- Kurangilah makanan yang mengandung lemak/minyak
- Perbanyak makan buah, sayuran, roti dan cereal
- Jadikanlah olahraga bagian dari kehidupan Anda sehari-hari (Jalan baik untuk kesihatan)
- Jagalah berat tubuh Anda
- Pergilah ke dokter untuk memeriksa tekanan darah dan kolesterol Anda

**IKUTILAH LANGKAH-LANGKAH DI ATAS, ANDA PASTI AKAN MENIKMATI KEHIDUPAN YANG LEBIH SIHAT**

Catatan Penting: resikonya meningkat (sesudah menopause).

Konsultasikan kesihatan anda dengan doktor jika Anda merasa ada kelainan pada kesihatan tubuh Anda.

- Merokok
- Tekanan darah tinggi
- Kadar lemak yang tinggi dalam darah
- Kurang olah raga
- Diabetes yang tidak terkontrol



### 3.3 PENYAKIT JANTUNG KORONER

Penyakit jantung koroner merupakan penyakit yang banyak diderita masyarakat

Penyakit ini menyerang pembuluh darah yang mengalirkan darah ke jantung. Timbunan lemak, kolesterol dan jaringan ikat pada dinding pembuluh darah secara perlahan-lahan pada akhirnya akan mengakibatkan menyempitnya pembuluh darah. Pada waktu pembuluh darah menyempit, jantung harus bekerja lebih keras dan ini menyebabkan nyeri dada. Kalau pembuluh darah tersumbat sama sekali, pemasokan darah ke jantung akan terhenti. Inilah yang disebut serangan jantung.

Faktor risiko untuk penyakit jantung koroner bisa dibagi menjadi dua:

#### 1. Faktor yang tidak bisa kita kendalikan

- Keturunan
- Umur, makin tua resiko makin besar
- Jenis kelamin, pria mempunyai resiko lebih tinggi dari pada wanita (wanita resikonya meningkat sesudah menopause).

#### 2. Faktor yang biasa kita kendalikan

- Merokok
- Tekanan darah tinggi
- Kadar lemak yang tinggi dalam darah
- Kurang olah raga
- Diabetes yang tidak terkendali



## APORAN PROJEK 2 (E 519).

- Stres
- Kegemukan

3. Untuk memperbaiki kadar lemak, perlu diperhatikan hal-hal berikut:

- Kurangi makanan berlemak, termasuk segala jenis lemak.
- Kurangi makanan yang mengandung lemak hewani.
- Gantikan dengan lemak poliunsaturated (minyak jagung, minyak bunga matahari) dan lemak monosaturated (minyak kanola, zaitun).
- Makan ikan 3 - 4 kali seminggu.
- Tingkatkan jumlah serat terutama dengan buah segar, sayuran, kacang-kacangan kering, barley oats (sejenis gandum).
- Pertahankan berat badan ideal.
- Kurangi makan gula dan makanan manis.
- Kurangi alkohol (maksimum 1 atau 2 gelas sehari).
- *Olah raga secara teratur.*
- *Jangan merokok.*

### Catatan:

Jika anda mengidap tekanan darah tinggi, jangan gunakan garam dalam masakan dan jangan pula tambahkan kecap asin dalam makanan anda.

Jenis makan berikut harus dihindari karena mengandung banyak garam:

- garam, garam bawang, garam sayur
- ikan asap, daging asap, ikan asin
- kicap (bisa diganti dengan kecap yang kurang asin)
- terasi
- sos tomat, sos Barbecue, sos maggi



# APORAN PROJEK 2 (E 519).

- acar
- ham, sosis, corned beef
- sup, kaldu sup atau mie instant

| jenis makanan        | BOLEH                                                                                                                             | HARUS DIHINDARI                                                                                |
|----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Makanan pokok        | Roti tawar, gandum, tepung jagung, nasi, sagu, tapioka, pasta, mee, soun                                                          | Croissant, mie telur pastri, pie pastel, biskuit yang mengandungi banyak mentega (Danish, dll) |
| Kuih/biskuit         | Kuih buatan sendiri, biskuit kering yang tidak bergaram dan dibuat dari bahan yang <u>dibenarkan</u> .                            | Kuih dari toko/pasar dounut, pancakes, martabak, biskuit asin dan manis.                       |
| Sayuran              | Semua jenis, baik daun maupun akarnya; baik mentah maupun dimasak. Minimal 1 (satu) sayuran kuning/merah sehari (misalnya wortel) | Hindari lemak dan minyak dalam memasak sayuran.                                                |
| Kacang-kacangan      | Semua jenis kacang                                                                                                                | -----                                                                                          |
| Makan secara teratur |                                                                                                                                   | -----                                                                                          |
| Buah-buahan          | Semua jenis dianjurkan, 4 buah sehari<br>Alpukat/Avokat jangan makan terlalu sering, batasi buah kering (karena kalori tinggi)    | -----                                                                                          |



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

|                                                                               |                                                                          |                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Makan pencuci mulut (manis-manisan)                                           | Salad buah-buahan, agar-agar, sagu, tapioka                              | Kue yang dibuat dengan susu murni, telur, santan, dan mentega                                                         |
| Alkohol                                                                       | Maksimum 1 – 2 gelas sehari                                              | Liqueurs harus dihindari                                                                                              |
| Daging sapi, kambing, rusa, babi mengandung lebih banyak lemak dari pada ikan | Maksimum 120 gram sekali makan 3 – 4 kali seminggu (yang tidak berlemak) | Daging berlemak misalnya sosis, bacon, hamburger, daging dalam kaleng, daging cacah                                   |
| Jerohan mengandung banyak kolesterol                                          | -----                                                                    | Otak, hati, ginjal, jantung, lidah, usus, babat                                                                       |
| Unggas dada mengandung sedikit lemak (makan tanpa kulit)                      | Ayam, kalkun puyuh                                                       | Bebek, entok, sayap ayam, kulit ayam                                                                                  |
| Ikan makan lebih sering 3 – 4 kali seminggu (lamak dan kolesterol rendah)     | semua jenis ikan                                                         | telur ikan, ikan goreng dengan mentega atau dengan panir, ikan dalam kaleng kecuali yang dikemas dengan minyak zaitun |
| Seafood (makan laut) tingkat kolesterol menengah, kadar lemak                 | Lobster, tiram, kerang, kepiting remis/scallop (jangan terlalu banyak)   | udang goreng, panggang, udang kering, cumi-cumi                                                                       |



## AN PROJEK 2 (E 519).

|                                                                            |                                                                  |                                                                                                    |
|----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                            |                                                                  | abalone                                                                                            |
| terdapat kuning telur saja                                                 | 2 –3 seminggu kalau mau bisa ditambah putih telur                | makanan yang banyak menggunakan telur<br>Chips, biskuit kelapa, gula-gula, kelapa, goreng-gorengan |
|                                                                            | Susu berkadar lemak rendah (skim milk)                           | Susu murni, coffe-mate, susu kental manis, krim, susu kaleng, santan                               |
|                                                                            | Keju berkadar lemak rendah (low-fat)                             | Keju biasa                                                                                         |
|                                                                            | Yoghurt berkadar lemak rendah (low-fat)                          | Yoghurt biasa                                                                                      |
|                                                                            | ais krim berkadar lemak rendah (low-fat), gelati                 | ais krim biasa<br>ais krim kelapa                                                                  |
|                                                                            | Batasi penggunaan margarin poli unsaturated dan monounsaturated  | mentega<br>lemak babi                                                                              |
| minyak<br>akai sedikit saja sebab berkalori tinggi                         | Canola, jagung, bunga matahari, kedelai, zaitun, wijen, kacang   | Kelapa, kelapa sawit, minyak sayur                                                                 |
| Kacang & biji-bijian<br>jumlahnya<br>(sebab berkalori tinggi dan berlemak) | Kacang tanah, kenari, kuaci, wijen, mente, kemiri, kacang Brazil | Kelapa, semua makanan yang memakai kelapa, kacang goreng, panggang                                 |
| Gula & makanan                                                             | Gula, selai, madu,                                               | Coklat, health food bar,                                                                           |



## APORAN PROJEK 2 (E 519).

|           |                                                                        |                                                           |
|-----------|------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| manis     | marmalade (makanan tak bergula jika anda gemuk atau mengidap diabetes) | gula-gula, toffee, semua makan yang memakai coklat.       |
| lain-lain | Cuka, rempah-rempah, cabai, merica, esens panili                       | Chips, biskuit kelapa, gula-gula, kelapa, goreng-gorengan |

## 3.4 KEGAGALAN PENGALIRAN.

Kegagalan pengaliran jantung akan berlaku apabila jantung tidak berupaya untuk mengekalkan keluaran jantung yang mencukupi. Ia boleh berlaku secara akut atau kronik yang menghasilkan gambaran klinikal yang berbeza.

## 3.5 KEGAGALAN PEREDARAN AKUT.

Dalam keadaan ini, penurunan keluaran jantung dan tekanan darah berlaku dengan serta merta disebabkan oleh dua sebab iaitu:

## ➤ Hipovolemia

Merupakan satu keadaan yang mana berlaku apabila pulangan vena ke jantung yang tidak mencukupi dan mengakibatkan kegagalan keluaran. Keadaan ini selalunya sekunder kepada hemoraj, kekurangan natrium dan trauma.

## ➤ Kegagalan paru – paru.

Berlaku apabila miokardium tidak berupaya mengekalkan keluaran darah. Ia selalu berlaku selepas infarksi jantung atau embolisme pulmonary.



# APORAN PROJEK 2 (E 519).

Septisemia, kegagalan peredaran juga mungkin dapat menyulitkan lagi septisemia terutamanya oleh organisme Gram negatif. Mekanismenya adalah amat sukar.

Perbezaan klinikal di antara kegagalan paru – paru dengan hipovolemia dari segi sejarah tanda fizikal adalah nyata. Dalam kes yang mencurigakan dan untuk mengawasi perkembangan penyakit, pengukuran pelbagai parameter hemodinamik mungkin berguna :

- Tekanan vena pusat. Ini merupakan pengukuran yang paling mudah dan kurang invasive tetapi tidak memberi sebarang maklumat secara langsung tentang fungsi ventrikel kiri.
- Tekanan arteri pulmonary dan tekanan baji arteri pulmonary (yang menunjukkan atrium kiri dan oleh itu tekanan pengisian ventrikel kiri) boleh diukur dengan catether 'Swan Ganz'.
- Tekanan darah arteri.
- Keluaran jantung boleh dianggarkan dengan keadaan perwarna atau pencairan haba.

Di dalam hipovolemia tanpa komplikasi, kedua – dua tekanan vena pusat dan tekanan baji arteri pulmonary adalah rendah, sementara dalam kegagalan paru – paru, kedua – dua akan meningkat. Walau bagaimana pun harus diingat, keadaan hipovolemia dan kegagalan paru – paru boleh berlaku bersama – sama.

Gambaran klinikal adalah gambaran yang didapati termasuk aktiviti lampau adrenergik, pucat, kaki dan tangan yang sejuk akibat vasokonstriksi, berpeluh dan takikardia. Tekanan darahnya rendah. Dalam kes yang teruk, perfusi organ vital akan terganggu menyebabkan kekeliruan, kegagalan renal akut dan asidosis akibat



## APORAN PROJEK 2 (E 519).

penghasilan asid laktik yang berlebihan. Renjatan paru – paru dengan mana peningkatan dispnea dengan hipoksia dan bayangan bilateral di dalam sinar - x, boleh berlaku dan memerlukan bantuan ventilasi tiruan.

Rawatan adalah bergantung kepada puncanya. Jika kekurangan pengaliran disebabkan oleh kegagalan pam, rawatannya adalah sukar dan pelbagai agen telah digunakan untuk menggalakkan miokardium yang gagal. Dopamine infusi intravena berterusan dapat meningkatkan keluaran jantung melalui kesannya pada miokardium dan juga menyebabkan pengenduran saluran darah renal, oleh itu ia dapat mengelakkan berlakunya kegagalan renal akut. Dos permulaan 2 –5 µg / kg / minit dan tingkatkan jika perlu. Dobutamin yang bertindak terutamanya di jantung juga digunakan. Walaubagaimanapun, prognosis secara amnya adalah lemah. Dalam hipovolemia, isipadu pengaliran hendaklah dipulihkan dengan infusi pengembangan plasma seperti dekstran (atau darah jika disebabkan oleh hemoraj) , dengan menggunakan tekanan vena pusat atau tekanan baji arteri pulmonary sebagai indeks penggantian yang mencukupi. Faktor – faktor penyebab seperti jangkitan mestilah dirawat dengan segera menggunakan antibiotik yang mungkin dicampurkan dengan intravena hidrokortison 500 mg setiap enam jam.

### 3.6 KEGAGALAN JANTUNG.

#### 3.6.1 FUNGSI KARDIUM DALAM KEGAGALAN JANTUNG.

Kecatatan utama semasa kegagalan jantung adalah ketidakupayaan jantung untuk mengekalkan keluaran darah yang mencukupi bagi keperluan tubuh. Dalam kesihatan, isis padu strok dan keluaran jantung dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu:



### ➤ Pramuatan.

Adalah bergantung kepada isi padu darah di dalam ventrikel pada akhir diastole yang menentukan tekanan pengisian akhir diastolic ventrikel dan seterusnya regangan yang dikenakan kepada gentian otot ventrikel. Pada jantung yang sihat, peningkatan tekanan akhir diastolic akan meningkatkan isi padu strok dan keluaran jantung mengikut keluk Frank – Starling. Dalam kegagalan jantung, perhubungan biasa diantara tekanan pengisian akhir diastolik dengan keluaran jantung akan terganggu, oleh itu peningkatan tekanan vena tidak diikuti oleh peningkatan isi padu strok dan keluaran. Keadaan ini disebabkan sebahagiannya oleh perubahan di miokardium yang dihasilkan oleh hipertropi dan sebahagiannya disebabkan oleh miokardium yang bekerja pada tahap yang merugikan.

### ➤ Tahap miokardium.

Telah terbukti bahawa miokardium yang sihat adalah penting untuk memenuhi permintaan terhadap jantung yang sentiasa berubah – ubah. Miokardium mungkin menjadi kurang berkesan disebabkan oleh penyakit terutamanya penyakit arteri koronari dan kardiomiopati. Hipertropi akibat gerak balas daripada muatan susul mungkin akan mengganggu fungsi miokardium kerana otot lebih kaku dan mengganggu keseimbangan di antara aliran koronari dengan otot.



### ➤ Muatan susul.

Ia adalah halangan terhadap pengeluaran darah dari ventrikel dan ia ditentukan oleh tekanan darah sistemik dan pulmonary. Semasa kehadiran penyakit ini, muatan susul mungkin meningkat seperti padahipertensi atau stenosis aorta atau pulmonary. Sebagai tambahan kegagalan jantung dapat mengakibatkan penguncupan salur darah. Oleh itu, boleh meningkatkan lagi rintangan periferi dan muatan susul. Gerak balas terhadap peningkatan muatan susul ini ialah hipertropi otot ventrikel dan keadaan ini dapat menampung peningkatan beban kerja buat sementara tetapi akhirnya ini tidak mencukupi dan kegagalan jantung akan berlaku.

Secara praktiknya, faktor – faktor yang terlibat dalam kegagalan jantung selalunya lebih daripada yang diterangkan di atas, walaupun salah satu mungkin lebih dominan namun ketiga – tiganya sering berkaitan antara satu dengan lain.

### 3.7 AKIBAT KEGAGALAN JANTUNG.

#### ➤ Retensi Air dan Garam.

Dalam kegagalan jantung, aliran darah ke ginjal akan menurun menghasilkan retensi natrium dan air. Walaubagaimanapun alasan sebenarnya belum diketahui, ia mungkin disebabkan gangguan keseimbangan di antara penurasan glomerulus dengan penyerapan kembali tubular. Oleh itu, lebih banyak natrium yang dituras diserap kembali. Peningkatan lelehan aldosteron mungkin memainkan peranan dalam



kegagalan jantung yang teruk tetapi pada peringkat awal, ia selalunya bukan berperanan sebagai faktor.

Dalam kegagalan jantung yang telah lama, terutamanya selepas rawatan yang bersungguh – sungguh dengan diuretic, gangguan ketidakseimbangan elektrolit dan air yang seterusnya mungkin berlaku. Ginjal akan membendung lebih kadar daripada natrium menghasilkan hiponatremia pencairan. Ini sering dikaitkan dengan deplesi kalium, sebahagiannya disebabkan oleh tindakan diuretic dan mungkin aldosteron dan sebahagiannya lagi akibat kebocoran kalium dari sel yang mengalami hipoksia kronik ( sindrom sel sakit ).

Edema adalah retensi air dan garam akan menyebabkan peningkatan isi padu darah dan bendalir di dalam ruang tisu akan kelihatan berlebihan. b penyerapan bendalir ini dipengaruhi oleh graviti. Oleh itu, ia akan terkumpul di bahagian kaki sebelah bawah, kaki dan pergelangan kaki jika pesakit berjalan atau dikerandut zakar pada pesakit yang terbaring. Ia dikenali sebagai edema dependen atau jantung dan dicirikan dengan pit pada tapak tekanan. Dalam kegagalan jantung yang teruk, asidosis atau efusi pleura mungkin boleh berlaku.

Faktor – faktor lain dalam penghasilan edema ialah peningkatan tekanan pada hujung vena kapilari yang dapat meningkatkan lagi jumlah bendalir tisu.

#### ➤ Peningkatan tekanan vena.

Ia dapat diperhatikan dengan lebih mudah pada vena jugular luaran, dan hati mungkin membesar akibat kongesti. Peningkatan tekanan vena diakibatkan oleh :



- a) Retensi garam dan air yang menyebabkan peningkatan isi padu aliran darah.
- b) Kegagalan jantung untuk meningkatkan keluaran jantung sebagai gerak balas kepada peningkatan tekanan vena akhir diatolik (pramuatan).

➤ Kadar cepat jantung.

Satu peningkatan dalam kadar cepat jantung akan meningkatkan keluaran jantung. Takikardia akibat peningkatan aktiviti adrenergik merupakan mekanisme imbuhan dalam kegagalan jantung. Jika dorongan adrenergik dihapuskan dengan agen penghalang adrenergik  $\beta$ , kegagalan jantung akan bertambah teruk.

➤ Dispnea.

Ini merupakan kesan kegagalan jantung kepada paru – paru. Peningkatan tekanan atrium kiri akan menyebabkan kongesi paru – paru dan apabila tekanan di atrium kiri dan vena pulmonary mencapai 30 mm Hg bendalir daripada kapilari pulmonary akan melebar keluar ke alveolus. Jika keadaan ini berlaku secara akut, edema pulmonary akan berlaku, jika ia berlaku dengan lebih perlahan, ia akan mengakibatkan dinding alveolus menebal dengan fibrosis. Dispnea disebabkan oleh :

- a) Edema dan fibrosis yang mengganggu penukargantian gas.
- b) Peningkatan 'kekejangan' paru – paru akibat pengurangan komplians.
- c) Peningkatan kesensitifan refleks tegangan paru – paru.



Dalam kegagalan jantung, dispnea mula – mula diketahui semasa peningkatan penggunaan tenaga tetapi lama kelamaan ia boleh berlaku pada masa rehat. Apabila ia bertambah teruk, pesakit boleh mengalami dispnea dalam keadaan berbaring (ortopneik). Ia dipercayai berpunca daripada peningkatan kongesi pulmonary yang wujud semasa kedudukan mendatar. Perubahan dalam kedudukan juga boleh merubah keluaran jantung tetapi ia hanya memainkan peranan penting di dalam genesis artopnia.

➤ Sinosis.

Adalah daripada jenis periferai dan ia merupakan hasil perlambatan aliran yang dituruti oleh penangkungan darah di vena dan kapilari.

➤ Letih dan lemah.

Merupakan symptom yang kerap dikaitkan dengan keluaran jantung yang rendah dan disebabkan oleh perfusi periferai yang lemah.

Pada kebiasaannya kegagalan jantung dibahagikan kepada kegagalan kanan dan kiri. Walaupun dalam kebanyakan kes kegagalan jantung kiri didapati jantung kanan juga akan gagal. Ia selalunya bermula dengan kegagalan satu daripada ventrikelnya.

### 3.8 KEGAGALAN VENTRIKEL KIRI.

Sebab – sebab utama kegagalan ventrikel kiri adalah :

- Hipertensi
- Infarksi miokardium
- Penyakit inajp aorta.



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

- Kardiomiopati.
- Mitra tak kompeten.
- Edema pulmonary akut yang mungkin merupakan komplikasi stenosis mitra akibat kegagalan atrium kiri bukan ventrikel kiri.

Ventrikel kiri mungkin diperlukan untuk meningkatkan kerjanya (muatan susul) sama ada disebabkan oleh halangan terhadap keluaran yang menyebabkan peningkatan tekanan atau disebabkan oleh peningkatan isi padu darah yang perlu dikawal (mitra atau aorta tak kompeten). Ventrikel akan menjadi hipertropi dan ia mungkin dapat mengekalkan aliran yang mencukupi buat sementara tetapi akhirnya ia akan mengalami kegagalan. Keadaan yang sama berlaku pada miokardium yang sakit, selalunya disebabkan oleh infraksi miokardium. Dalam kedua – dua kes, peningkatan tekanan di dalam atrium kiri dan vena pulmonary akan menyebabkan peningkatan tekanan vena pulmonary dan akhirnya edema pulmonary.

Punca berlaku serangan ini berlaku pada waktu malam masih belum jelas lagi, tetapi beberapa faktor termasuk kedudukan baring yang meningkatkan lunjuran kongesi pulmonary akan berlaku.

Pemeriksaan semasa serangan mungkin menunjukkan bukti hipertropi ventrikel kiri, walaupun bagaimanapun jika kegagalan jantung kiri menjadi komplikasi infraksi miokardium, keadaan tersebut mungkin tidak berlaku. Takikardia kerap berlaku dan pemeriksaan auskultasi mungkin dapat mendengar bunyi jantung ketiga atau keempat. Ral lembut daripada edema pulmonary akan kedengaran di pangkal paru – paru dan mungkin terdapat wiz daripada bronkospasme atau edema bronkus. Jika serangannya teruk, tekanan darah sistolik mungkin menurun. Denyut alternans mungkin dapat dikesan apabila perbezaan tekana arah sistolik melebihi 15 – 20 mm Hg, terutamanya apabila selang berterusan selepas takikardia berkurangan, ia menunjukkan prognosis. Yang buruk.



Elektrokardiogram kerap menunjukkan bukti perubahan selang S – T atau gelombang T di ventrikel kiri. Radiograf dada akan menunjukkan bayangan kabur edema pulmoanari yang menyerak keluar dari setiap hilum ke medan paru – paru.

Prognosis selepas serangan asma jantung selalunya buruk, kebanyakan pesakitnya akan mati dalam masa setahun atau dua tahun. dengan kemajuan kaedah rawatan, keadaan di atas sudah tidak semestinya batul dan sebahagian pesakit mungkin sihat, terutamanya jika puncanya seperti hipertensi boleh dirawat.

### 3.9 KEGAGALAN VENTRIKEL KANAN DAN KONGESTIF.

Punca utama kegagalan ventrikel kanan ialah :

- Berikutan kegagalan ventrikel kiri.
- Penyakit injap mitra.
- Penyakit injap tricuspid.
- Penyakit pulmonary jantung.
- Jenis tertentu penyakit jantung congenital.
- Tirotoksikosis.
- Kardiomiopati.

Stenosis tricuspid dan perikarditis konstriktif juga boleh menyebabkan kongesi vena sistemik yang teruk.

Kegagalan ventrikel kanan selalunya didapati pada pesakit yang mengalami dispnea dan ortopnea daripada kongesi pulmonary akibat kegagalan jantung kiri atau penyakit injap mitra dan keadaan ini disebut kegagalan jantung kongestif. Apabila kegagalan ventrikel kanan berlaku tanpa kongesi pulmonary atau penyakit pulmonary atau apabila paru – paru menalami kongesi terserak seperti di dalam stenosis



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

tricuspid, dispnea atau ortopnea teruk selalunya bukannya merupakan gambaran utama walaupun ia selalunya terdapat serba sedikit. Symptom – symptom lain termasuk letih lesu, lemah dan hilang selera makan.

Tanda utama kegagalan ventrikel kanan didapati pada sistem vena sistemik. Pada subjek normal yang mencondong 30°, vena leher di atas klavikel selalunya tidak kelihatan. Dalam kegagalan ventrikel kanan, peningkatan tekanan vena akan menyebabkan pengembangan vena di atas paras tersebut. Denyutan pada vena yang terkembang boleh dibezakan dengan mudah daripada denyutan karotid oleh bentuk denyut venn yang terserak, yang mungkin dibezakan sekurang – kurangnya dengan dua unsure dan mudah dihapuskan dengan jari.

Kegagalan ventrikel kanan yang teruk, gelang tricuspid akan merenggang mengakibatkan tricuspid tidak kompeten berfungsi dan satu turutan gelombang vena sistolik yang boleh diperhatikan pada leher dan mungkin boleh dirasakan di hati. Ia mungkin hilang dengan rawatan. Pengembangan hati dengan darah, yang menuruti kegagalan ventrikel kanan, mungkin menghasilkan sakit di hipokondrium kanan. Kepalpatan menunjukkan hati membesar dan lembut jika kongesi berpanjangan, hati mungkin akan tercedera dan menghasilkan jaundis sedikit.

Hilang selera makan juga kerap berlaku akibat kongesi perut. Edema dependen dengan alas an yang telah diberikan berlaku di dalam kegagalan ventrikel kanan. Jika edemanya teruk ia mungkin diikuti dengan asitis dan efusi pleura. Kehilangan berat biasa berlaku tetapi mungkin dikaburi oleh kurangpengoksigenan darah yang melalui paru – paru edema dan sebahagian lagi akibat penakunagan periferai. Dalam kegagalan jantung, isi padu air kencing selalunya berkurangan, mempunyai gravity khusus yang tinggi dan mungkin mengandungi protein.



### 3.10 RAWATAN KEGAGALAN JANTUNG.

Rawatan kegagalan jantung mempunyai dua tujuan iaitu :

- Untuk meningkatkan fungsi kardium.
- Untuk memulihkan kecacatan asas yang ada.

Satu pertimbangan faktor – faktor yang terlibat dalam kegagalan jantung mencadangkan bahawa fungsi jantung mungkin boleh dibaiki dengan tiga cara.

- Dengan membaiki aktiviti inotropik miokardium. Ini mungkin dicapai dengan digitalis atau agen – agen lain seperti dopamine dan dobutamin.
- Dengan menurunkan pramuatan (iaitu menurunkan tekanan vena). Ini mungkin dicapai dengan memberikan diuretic atau drug vasodilator yang mengumpulkan darah di dalam pembuluh periferai.
- Dengan menurunkan muatan susul. Ini mungkin diberikan oleh drug vasodilator yang menurunkan rintangan periferai atau dengan meredakan stenosis injap jika ada.

Kesan pelbagai cara rawatan yang berbeza ini ditunjukkan dan diperhatikan bahawa campuran kaedah mungkin menghasilkan keputusan yang lebih baik daripada sejenis rawatan sahaja. Perincian rawatan yang bergantung kepada bentuk kegagalan jantung dan keadaan klinikal akan dibincangkan.

### 3.11 KEGAGALAN JANTUNG KIRI AKUT.

Pesakit lebih baik ditegakkan dengan beberapa biji bantal. Jika keadaan mengizinkan, kaki pesakit hendaklah digantung (direndahkan) di tepi katil untuk



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

mbolehkan cecair edema dialirkan keluar dari paru – paru sebanyak yang mungkin.

Jumlah morfin 15 – 20 mg mestilah diberikan secara intraotot. Tindakanya dalam keadaan ini masih belum diketahui, tetapi sebahagian besar kesan baiknya mungkin disebabkan oleh tindakan sedatifnya yang menurunkan kegelisahan dan mengurangkan hiperventilasi. Ia juga merupakan kegelisahan dan mengurangkan hiperventilasi. Ia merupakan satu vasodilator dan merendahkan tekanan vena dan juga pramuatan.

Penurunan isipadu darah akan merendahkan tekanan vena, meredakan lebih pengisian jantung dan menghilangkan edema. Ia juga selalunya dicapai dengan pemberian diuretik dan frusemid 20 mg I.V adalah berkesan.

Aminofilin 250 mg secara intravena perlahan – lahan amat berguna terutamanya jika berlaku bronkospasma. Oksigen tulen mestilah diberikan jika diperolehi. Pengdigitalisan selalunya tidak diperlukan melainkan fibrilasi atrium tercepatdisyaki sebagai punca yang menyebabkan kegagalan ventrikel.

Langkah – langkah tersebut biasanya dapat melegakan pesakit yang mendapat serangan akut. Selepas itu, dia hendaklah dirawat seperti kegagalan jantung kongestif dengan rehat dan diuretik. Jika punca penyebabnya dapat diubah dengan rawatan, ia hendaklah dirawat terlebih dahulu. Untuk beberapa malam selanjutnya, ramai pesakit mengalami kesukaran untuk tidur dan satu agen hipnotik (nitrazepam 5.0 mg), biasanya dapat digunakan.



### 3.12 KEGAGALAN VENTRIKEL KANAN DAN KONGESIF.

Melalui rehat adalah penting dalam rawatan kegagalan jantung. Pesakit dijaga di katil dan dia mungkin bernafas dengan lebih mudah jika membongkok ke hadapan dengan tangan diletakkan di meja katil. Keadaan menegak ini dapat mengalirkan keluar cecair edema dari paru – paru dan meredakan dispnea. Jika katil yang dapat dilaraskan boleh didapati, pesakit boleh duduk dengan kaki direndahkan, dengan mana mengurangkan pulangan vena ke jantung, dapat melegakan lagi kongesi pulmonary. Pilihan lain adalah kerusi rehat yang berpenyandar tinggi, ramai pesakit mendapati ia amat menyelesaikan dan dapat berehat dan tidur dengan lebih mudah. Jika keadaan mengizinkan dia hendaklah dibenarkan berdiri untuk menggunakan kerusi. Rehat sepenuhnya tidak patut diteruskan melebihi beberapa hari melainkan untuk yang sakit teruk kerana ia mungkin menyebabkan komplikasi trombosis vena. Selanjutnya, pemulihan ke aktiviti sederhana secara perlahan – lahan mestilah dimulakan.

Diet yang diambil hendaklah daripada jenis makanan yang tidak berat dan mudah dihadamkan. Pengurangan garam yang banyak tidak dimestikan tetapi pada peringkat awal rawatan makanan yang tidak mengandungi garam hendaklah diberikan pada setiap kali makan. Pengambilan bendalir tidak perlu dikurangkan melainkan hiponatremia pencairan wujud.

Manakala rawatan profilaksis antikoagulan dengan heparin 5000 unit dua kali sehari secara suntikan subkutaneus mungkin digunakan untuk pesakit yang perlu rehat yang panjang.

Selain itu, adalah digitalis. Ia merupakan rawatan piawai untuk kegagalan jantung walaupun penggunaan diuretic yang berkesan telah mengurangkan



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

kepentingan digitalis. Ia amat berkesan dalam mengawal kegagalan jantung yang disebabkan oleh fibrilasi atrium tercepat. Penggunaannya dalam rawatan kegagalan jantung dengan irama sinus adalah kurang nyata walaupun ia boleh menghasilkan kesan inotropik pada awal rawatan, tetapi tiada bukti yang menunjukkan kesan ini berterusan selepas peringkat tersebut. Walaubagaimanapun bukti yang baik didapati pada pesakit irama sinus yang menerima rawatan drug ini untuk tempoh yang panjang, drug ini boleh diberhentikan tanpa memburukkan lagi keadaan pesakit. Terdapat beberapa persediaan digitalis yang digunakan. Kesemuanya mempunyai kesantindakan farmakologi yang sama, tetapi berbeza dalam kadar cepat masa mula, tempoh kesan dan nisbah dos oral yang terserap. Selepas penyerapan, digitoksin akan terikat kepada protein dengan banyak dan dimetabolismekan oleh hati. Oleh itu, pengumpulan tidak berlaku dalam kegagalan renal. Digoksin dikumuhkan dengan agak cepat oleh ginjal, dan retensi akan berlaku dengan gangguan fungsi renal.

| Persediaan | Cara pemberian | Kesan maksimum | Tempo separuh hayat | Peratus diserap dengan cara oral. |
|------------|----------------|----------------|---------------------|-----------------------------------|
| Digoksin   | IV oral        | 2 jam, 6 jam   | 40 jam              | 70 %                              |
| Digitoksin | IV oral        | 6 jam, 12 jam  | 5 hari              | 95 %                              |

Jadual 3.1 Persediaan yang sering digunakan.

## 3.13 TINDAKAN DIGITALIS PADA JANTUNG.

Dalam dos terapeutik, digitalis tidak mempunyai kesan pada jantung normal tetapi semasa kegagalan jantung ia akan memberikan kesan berikut :

- Penekanan pengaliran terhadap berkas His. Oleh itu, di dalam fibrilasi atrium ia dapat mengurangkan pengaliran impuls dari atrium ke



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

ventrikel dan kadar cepat ventrikel akan dilambatkan. Ini merupakan kesan terapeutik yang paling penting.

- Peningkatan daya pengucupan otot ventrikel.
- Melambatkan kadar cepat jantung melalui kesannya pada nodus sinoatrium. Sebahagiannya diberikan oleh saraf vagus dan sebahagian lagi tindakan langsung.
- Sebagai tambahan, digitalis menghasilkan depresi segmen S – T di dalam ECG.

Keadaan ini akan menghasilkan peningkatan keluaran jantung dan penurunan tekanan vena. Peningkatan aliran darah renal menyebabkan diuresis. Walaupun digitalis telah digunakan untuk semua jenis kegagalan jantung, kegunaan utamanya adalah untuk mengawal fibrilasi atrium tercepatkan dan kurang berguna dalam kegagalan jantung akibat anemia, miokarditis akut atau beri – beri.

Terdapat banyak skema dos digitalis. Kesemuanya bertujuan bagi memberikan dos muatan untuk menepukan otot jantung dengan drug diikuti dengan dos pengendalian untuk menggantikan kehilangan drug harian.

## 3.14 KEABNORMALAN IRAMA.

## 3.14.1 EKSTRASISTOL (DENYUT EKTROPIK).

Ekstrasistol atau lebih dikenali sebagai sistol pramatang adalah disebabkan oleh impuls kardium yang wujud pada satu tapak ektopik. Mungkin di atrium, nodus atrio – ventrikel atau d ventrikel. Disebabkan penguncupan yang berlaku adalah pramatang, ventrikel tidak terisi sepenuhnya dan mengakibatkan pengecilan gelombang denyut atau mungkin tidak boleh dipalpatkan pada pergelangan tangan. Denyut normal seterusnya akan jatuh pada tempoh refaktori. Oleh itu, penguncupan tidak berlaku. Semasa jeda, darah yang berlaku dengan memasuki ventrikel lebih banyak daripada normal dan denyut berikutnya berlaku dengan sangat kuat.



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

Ekstrasistol lazim berlaku dan kebanyakan orang mengalaminya pada satu ketika di sepanjang hidupnya. Kejadiannya meningkat dengan peningkatan umur; ia mungkin berlaku sekali – sekala atau mungkin sekerap setiap selang denyut. Irama ini dikenali sebagai denyutbigeminus atau denyut pasangan. Ia kerap diperhatikan apabila pesakit baring di katil pada waktu malam, walaupun hilang semasa senaman. Ia mungkin kelihatan selepas itu. Ia lebih kerap berlaku pada pesakit keletihan, ketakutan atau semasa demam. Pada sebahagian pesakit ia mungkin dikaitkan dengan penggunaan tembakau, kopi atau alkohol yang berlebihan. Ekstrasistol juga mungkin berlaku pada penyakit jantung.

Ramai pesakit yang gagal merasai ekstrasistolnya sendiri. Pesakit – pesakit lain mungkin bersungut seperti kehadiran satu tumbukan di dalam dadanya akibat pengucupan keras selepas jeda penggantian. Kadang – kadang kala pesakit dapat mengetahui jeda penggantian mengadu satu ‘denyut mengurang’ berlaku.

Ekstrasistol selalunya boleh didiagnoskan melalui denyut, iaitu apabila satu denyutpramatang diikuti oleh jeda boleh dirasai. Ekstrasistol berganda boleh disalah fahamkan dengan fibrilasi atrium. Walaubagaimanapun ekstrasistol akan hilang dengan senaman, sementara fibrilasi atrium menjadi lebih nyata. Kekeliruan juga boleh berlaku apabila ekstrasistol tidak boleh dikesan pada pergelangan tangan. Walau bagaimanapun ia selalunya boleh didengari pada askultasi jantung yang cermat.

Ekstrasistol itu tidak begitu penting. Kehadirannya memerlukan pemeriksaan yang cermat dan jika tiada keabnormalan yang didapati jaminan hendaklah diberikan dengan cepat. Jika ekstrasistol didapati semasa pemeriksaan lazim pada pesakit yang mempunyai jantung yang normal, pesakit selalunya tidak diberitahu.

Kadang kala ekstrasistol berganda pada pesakit jantung mungkin menandakan masa mula aritma yang lebih teruk. Contohnya, kejadian ekstrasistol ventrikular



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

selepas trombosis koronari. Kadang kala diikuti oleh fibrilasi ventrikel. Ekstrasistol ventrikel pada pesakit yang memakan digitalis dengan berlebihan akan menyebabkan denyut pasangan dan menandakan bahawa drug perlu diberhentikan untuk sehari dua.

Rawatan drug jarang diperlukan dalam ekstrasistol. Jaminan dan pencegahan faktor – faktor pencenderungan yang nyata biasanya mencukupi. Dan jika ekstrasistol sangat kerap dan menyusahkan, kuinidin dengan dos 200 mg tiga kali sehari atau propranolol 20 mg tiga kali sehari kadang kala dapat menghapuskannya untuk beberapa hari.

## 3.15 TAKIKARDIA.

Takikardia paroksismal dapat dikelaskan sebagai :

- Supraventrikular
- Ventrikular.

Takikardia Supraventrikular merupakan takikardia yang disebabkan oleh tapak oektopik di atrium atau nodus A – V tetapi lebih kerap disebabkan oleh fenomena kemasukan semula. Di sini nodus A – V diuja semula melalui pintasan tambahan. Oleh itu, pergerakan pusingan yang cepat akan dimulakan. Pintasan tambahan ini mungkin betul – betul berfungsi atau mungkin mempunyai asas anatomi seperti dalam sindrom Wolff Parkinson – White dan disebabkan oleh prapengujaan ventrikel dan sela P – R yang pendek di elektrokardiogram.

Serangan takikardia atrium selalunya tidak berkaitan dengan penyakit kardiak. Tetapi mungkin merupakan komplikasi tirotoksikosis dan kelebihan digitalis, alkohol atau kafeina. Ia selalunya bermula pada peringkat umur muda dan cenderung untuk berulang.



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

Takikardia Ventrikular adalah jenis yang selalu berlaku pada pesakit dengan penyakit miokardium dan merupakan gambaran infraksi miokardium yang kerap berlaku dan merbahaya. Serangan ulangan mungkin merumitkan penyakit iskemia jantung, kardiopati, tirotoksikosis dan kelebihan dos digitalis dan lebih cenderung berlaku dalam keadaan hipokalemia,

Ia timbul dari tapak ektopik pada ventrikel dan mungkin didahului oleh ekstrasistol ventrikular. Serangan takikardia proksimal bermula serta merta. Pesakit mungkin mengingati masa apabila jantungnya mula berdenyut dengan cepat. Takikardia mungkin ditunjukkan sebagai palpitasi atau sebagai flutter di dalam dada. Ia selalunya sekata. Kadang kala serangan boleh berlaku tanpa amaran dan pada ketika – ketika lainnya ia mungkin disebabkan oleh pergerakan serta – merta atau emosi. Serangan berekhir bila – bila masa dari beberapa saat ke satu atau dua hari dan kemudian berhenti dengan serta merta. Irama kembali kepada normal. Kadang kala ia diikuti oleh ekstrasistol. Ia mungkin berulang setiap beberapa jam atau hanya sekali atau dua kali seumur hidup.

Bentuk gangguan berbeza – beza. Sebahagian pesakit tidak terganggu oleh serangan, sementara yang lain merasa seperti hendak pitam atau mungkin mengadu tidak selesa atau mungkin rasa sakit angina pada dada. Pesakit jarang memberikan tanda kegagalan jantung semasa serangan, ia berlaku terutamanya jika serangan melebihi daripada sehari atau berpunca daripada penyakit jantung.

Prognosis takikardia paroksimal sama ada akut atau serangan berikutnya bergantung kepada adanya atau tidak punca penyakit jantung. Jika jantungnya sihat, prognosisnya amat baik walaupun paroksisme mungkin menyebabkan sedikit ketakutan atau distres.



Dalam merawat serangan takikardia paroksimal, tapak takikardia sama ada supraventrikular atau daripada ventrikular perlu diketahui. Ini dapat ditentukan dengan baiknya menggunakan elektrokardiogram. Gelombang vena yang cepat 'gelombang cannon' disebabkan oleh penguncupan atrium melawan injap atrioventrikular yang tertutup, ia menunjukkan takikardia supraventrikular. Perlambatan serta – merta yang dihasilkan oleh perangsang sinus karotid menunjukkan ia berpunca daripada supraventrikular.

Cara rawatan Takikardia Supraventrikular adalah bertujuan untuk menghentikan serangan dengan mengganggu aliran pusingan jika takikardia berpunca daripada memasukkan semula, atau dengan merencatkan tapak ektopik yang terdapat.

### 3.16 FLUTER ATRIUM.

Fluter Atrium kurang kerap berlaku. Ia selalunya berkaitan dengan penyakit jantung, reumatik, hipertensi atau penyakit koronari. Mekanisme flutter tidak diketahui kesemuanya. Selama ini ia dianggap sebagai akibat gelombang penguncupan yang berpusing di sekitar atrium, tetapi teori terbaharu mencadangkan bahawa ia akibat tapak mudah uja di atrium, menghasilkan denyutan dengan kadar cepat yang tinggi. Selalunya di antara 210 – 300 per minit. Ventrikel tidak berupaya untuk bergerak balas setiap dua, tiga atau mungkin empat kali penguncupan atrium.

Simptom fluter atrium berbeza – beza. Pesakit mungkin hanya mengadu simptom akibat asas penyakit jantung dan fluter hanya ditemui semasa pemeriksaan. Kadang – kala terdapat sungutan tentang palpitasi secara tiba – tiba. Pemeriksaan mungkin hanya menunjukkan sedikit penemuan, terutamanya apabila terdapat halangan jantung dan kadar cepat jantung hanya 80 seminit.




Perubahan tahap halangan jantung menghasilkan penggandaan atau pengurangan kadar cepat jantung menjadi setengah dengan cepat merupakan sifat – sifat fluter. Penurunan kadar cepat jantung menjadi separuh kadang kala boleh diaruhkan dengan menekan sinus karotid. Perbezaan berterusan dalam tahap halangan A – V sebahagian pesakit akan menyebabkan ketidakseragaman denyutan yang boleh dirasakan seperti dengan fibrilasi atrium. Irama yang kurang stabil di dalam fluter mungkin menyusahkan pesakit dan usaha hendaklah dijalankan dalam kebanyakan kes untuk menghasilkan irama yang lebih stabil.

ECG menunjukkan satu contoh fluter gelombang mata gergaji yang lazim (F) pada lebih kurang 300 seminit yang dapat diperhatikan dengan nyata pada dedawai II dan IV. Selalunya terdapat halangan A – V 2 : 1 atau 3 : 1.

Rawatan fluter bergantung sebahagian besarnya kepada asas penyakit jantung. Oleh itu, prognosisnya berbeza – beza. Flutter dirawat dengan menggunakan digitalis dos penuh. Ia selalunya menukarkan fluter kepada fibrilasi atrium. Jika digitalis diberhentikan, lebih kurang 40 % pesakit akan kembali ke irama sinus.

Selebihnya sama ada akan terus berfibrilasi atau kembali ke fluter. Keputusannya sama ada untuk meneruskan digitalis untuk selama – lamanya atau memulihkan irama sinus bergantung kepada penyakit jantung asasnya.



RAJAH 3.1 Elektrokardiogram menunjukkan fluter atrium dengan berbagai – bagi halangan.



### 3.17 FIBRILASI ATRIUM.

Fibrilasi atrium adalah aritmia jantung yang paling penting dan kerap berlaku. Kumpulan fiber otot di atrium menguncup secara sendiri pada kadar cepat di antara 400 – 500 seminit. Penguncupan ini dapat dilihat sebagai gelombang 'f' di dalam elektrokardiogram. Ia akan menyebabkan kehilangan keseragaman penguncupan atrium dan ventrikel dan kadarnya selalunya cepat. Ini akan memberikan tegangan yang lebih besar pada miokardium ventrikel dan mungkin menyebabkan kegagalan pada jantung yang telah cedera.

Fibrilasi atrium klasik dengan stenosis mitra atau tirotoksikosis selalunya berkaitan dengan penyakit jantung. walau bagaimanapun ia juga kerap berlaku pada pesakit arteri koronari, kardiomiopati, hipertensi dan kadang kala ia berlaku semasa demam akut. Ia juga boleh diperhatikan pada perikarditis konstriktif dan karsinoma bronkus yang melibatkan miokardium.

Kadang kala ia berlaku berikutan daripada kelebihan alkohol atau merokok dan selepas toraktomi. Kadang kala juga ia boleh berlaku tanpa sebab yang nyata. Ia mungkin paroksismal atau tetap. Fibrilasi atrium jarang berlaku dalam penyakit injap aortik dan dalam kebanyakn bentuk penyakit jantung kongenital.

Masa mula fibrilasi atrium mungkin berlaku tanpa disedari oleh pesakit. Pesakit lebih kerap mengadu palpitasi dan ketidak seragaman denyut. Kadang kala ia boleh berlaku secara mengejut. Ditandai oleh pitam dan kegagalan pengsan dan mungkin diikuti oleh kegagalan jantung akut. Diagnosis boleh disahkan dengan merasai denyut yang bersifat tidak seragam dari segi daya dan iramanya. Senaman akan membuat aritmia lebih nyat. Pemeriksaan selanjutnya selalunya akan menunjukkan tanda – tanda penyakit jantung asas.



Fibrilasi atrium poroksimal dan fibrilasi atrium tunggal, walaupun fibrilasi atrium selalunya dikaitkan dengan penyakit jantung, ia kadang kala didapati pada jantung yang normal. Pesakit ini mungkin mempunyai fibrilasi atrium poroksimal atau fibrilasi tetap. Kajian susulan pesakit tersebut menunjukkan bahawa prognosisnya adalah amat baik. Melainkan beberapa pesakit yang mendapatkan aritma pada usia lanjut atau mungkin menunjukkan bukti penyakit jantung asas.

ECG dicirikan oleh ketidakseragaman kompleks QRS dan kehilangan gelombang P dengan penggantian oleh gelombang fibrilasi kecil yang cepat. Rawatan bagi kebanyakan pesakit dengan atrium yang telah lama mempunyai penyakit jantung, mungkin berkaitan dengan kegagalan jantung, adalah lebih baik dirawat dengan digitalis. Kadang kala campuran satu penghalang  $\beta$  dengan digitalis dapat mengawal penyakit dengan lebih mudah. Tetapi ia hendaklah digunakan dengan berhati-hati pada pesakit yang mengalami kegagalan jantung.


Pesakit dengan stenosis mitra dan fibrilasi atrium hendaklah diberikan antikoagulan untuk meminimumkan risiko embolus sistemik. Pesakit yang hanya mengalami fibrilasi sahaja dan mempunyai kadar cepat ventrikular yang lambat selalunya tidak memerlukan rawatan drug. Di dalam sekumpulan kecil pesakit dengan fibrilasi atrium, langkah – langkah haruslah diambil untuk memulihkan irama sinus. Ini berguna bagi pesakit yang tidak mempunyai penyakit jantung yang asas atau apabila tirotoksikosis telah diletakkan dan berikutan valvotomi mitra. Kegagalan jantung, semua tahap pembesaran jantung atau bukti – bukti lain penyakit jantung yang teruk dikontraindikasikan dengan pemulihan irama jantung.

Kehadiran fibrilasi atrium untuk tempoh melebihi beberapa bulan akan meningkatkan risiko embolisme apabila irama sinus dipulihkan. Kaedah pilihan



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

untuk memulihkan irama sinus adalah kardioversi dengan renjetan aliran terus. Sekarang drug jarang digunakan bagi tujuan ini.



RAJAH 3.2 Elektrokardiogram menunjukkan fibrilasi atrium.

Kardioversi elektrik adalah cara yang berguns dan selamat untuk memulihkan irama sinus pada aritmia supraventrikular dan pada takikardia ventrikular. Kardioversi mungkin perlu ditangguhkan pada pesakit yang diberikan digitalis hingga lebih kurang 48 jam selepas dos terakhir digitalis. Tetapi pemberian digitalis tidak dikontraindikasikan jika kardioversi diperlukan dengan serta merta. Pesakit dengan stenosis mitra atau sejarah tromboembolus mestilah diberikan antikoagulan terlebih dahulu untuk meminimumkan risiko embolus sistemik.

Kardioversi dijalankan di bawah anaestesis tindakan pendek dan renjetan pula diberikan serentak dengan strok ke bawah gelombang R daripada elektrokardiograf. Renjetan permulaan mestilah 100 joule dan jika ia gagal ia hendaklah ditingkatkan ke 200 joule dan jika perlu 400 joule. Renjetan mendepolarisasikan otot kardium membolehkan nodus sinoatrium berfungsi semula sebagai perentak kardium.

Walaupun bagaimanapun kardioversi berjaya digunakan pada 80 % pesakit fibrilasi atrium, lebih kurang 60 % daripadanya akan mengalami relaps dalam tempoh setahun pertama. Rawatan pengendalian dengan kuinidin oral 200 mg empat kal



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

sehari atau disopiramid 150 mg empat kali sehari dicampur dengan digokdin mungkin dapat menolong keadaan tersebut tetapi ia tidak selalu berkesan.

### 3.18 HALANGAN JANTUNG.

Halangan di dalam sistem konduksi mungkin berlaku sama ada di antara nodus S – A dengan atrium (halangan sinoatrium) atau di berkas His. Di antara atrium dengan ventrikel (halangan atrio – ventrikular).

#### 3.18.1 PENYAKIT SINOATRIUM.

Bradikardia sinus didapati pada ahli olahraga yang sihat. Sebagai komplikasi jaundis obstruksi dan peningkatan tekanan intrakardium. Ia mungkin juga berlaku hasil penyakit nodus itu sendiri dan dua sindrom boleh dikenal pasti.

Sinus terhenti dan halangan sinoatrium dan mungkin berlaku akibat fibrosis progresif pada nodus atau mungkin sebagai komplikasi infarksi miokardium. Selain itu, sindrom bradikardia – takikardia (sindrom sakit sinus) adalah bradikardia selang seli dengan takikardia supraventrikular atau fibrilasi atrium.

Serangan pening atau pita berlaku dengan bradikardia. Diagnosis mungkin tidak nyata kerana elektrokardiogram selalunya normal pada kebanyakan masa tetapi pengawasan elektrokardiogram untuk 24 jam mungkin berguna.

Apabila gangguan inimenyulitkan infarksi miokardium, ia dapat dilegakan dengan atropin 0.3 mg secara intravenus. Dalam kes yang kronik, penggunaan perentak mungkin diperlukan. Prognosis dengan perentakan adalah baik.



## 3.19 HALANGAN SEPARA.

Terdapat dua darjah halangan jantung separa :

- Pemanjangan sela P – R (halangan darjah pertama)
- Hilang denyut (halangan darjah kedua : halangan separa).

Gangguan aliran (konduksi) mungkin berlaku di bahagian atas sistem aliran di kawasan nodus A – V, dengan mana sistem berkas Hisnya normal, atau di bawah pembahagian berkas. Pemanjangan Sela P – R melebihi 0.2 saat. Ini merupakan penemuan elektrokardiograf dan tidak menghasilkan sebarang tanda – tanda fizikal. Hilang denyut terdapat dua jenis halangan jantung separa yang dapat menyebabkan hilang denyut iaitu :

- Mobitz jenis I. Halangan yang berada di bahagian atas sistem aliran sela P – R diperpanjangkan pada pusingan berturut – turut sehingga denyut itu hilang. Sela P – R pada denyut selepas itu pulih ke normal dan proses pemanjangan akan berulang – ulang.
- Mobitz jenis II. Halangan berada di bawah pembahagian berkas His. Sela P – R kekal tetap, tetapi terdapat kegagalan aliran A – V yang seragam dengan kehilangan denyut setiap pusingan kedua, ketiga atau banyak pusingan lagi.

Secara klinikal halangan jantung separa dapat didiagnoskan dengan memerhatikan kehilangan denyut yang seragam. Ia memerlukan pengesahan elektrokardiogram. Punca eletrofisiologi mungkin memerlukan kajian elektrokardiograf berkas His.



### 3.20 HALANGAN JANTUNG LENGKAP.

Atrium dan ventrikel menguncup secara tersendiri, rangsangan untuk penguncupan ventrikel timbul pada tapak ektopik yang mungkin ventrikular atau nodus. Jika perentak ventrikular berada di kawasan nodus A – V kadar cepat ventrikular adalah lebih kurang 50 denyut seminit dan kompleks QRSnya normal, menunjukkan penyerakan melalui sistem aliran. Jika ia terjadi di bahagian bawah sistem aliran, ia selalunya lebih lambat (30 – 40 denyut / minit) dan kompleks QRSnya diluaskan. Jantung selalunya agak membesar. Denyut jugular mungkin sekali sekala menunjukkan gelombang 'cannon' apabila penguncupan atrium terpaksa melawan injap trikuspid yang tertutup.

Kadang kala dengan askultori yang cermat, dapat didengari bunyi yang dihasilkan oleh atrium yang menguncup dan bunyi jantung pertama akan berbeza intensitinya bergantung kepada perbezaan sela antara penguncupan atrium dengan ventrikel. Punca halangan jantung mungkin kongenital (10 % daripada jumlah kes) dengan mana kes selalunya pada bahagian atas sistem aliran. Ia selalunya akibat degenerasi sistem aliran tanpa etiologi sebenar yang diketahui tetapi ia berkaitan dengan umur. Ia mungkin mengkomplikasikan demam reumatik, difteria dan kelebihan dos digitalis. Kecacatan aliran akut mungkin berlaku berikutan infarksi miokardium.

Gangguan aliran mungkin menghasilkan pelbagai simptom, selalunya hasil daripada bradikardiak atau jantung terhenti sementara. Ini termasuk serangan pening, pitam atau konvulsi. Ia amat cenderung berlaku pada pesakit tua dengan mana aliran serebrumnya mungkin telah terganggu. Pengawasan ECG untuk tempoh 24 jam amat berguna apabila diagnosis di curigai.



Prognosis halangan jantung bergantung kepada punca penyakitnya. Pada halangan jantung kongenital, masa depannya adalah baik dan ia tidak mempengaruhi umur hayat. Pada pesakit yang mempunyai penyakit jantung dan mengalami halangan A – B prognosisnya mestilah di kawal. Bagi pesakit dengan penyakit halangan jantung kongenital dan mereka yang tidak mempunyai simptom dengan mana halangan adalah di bahagian atas sistem aliran dan kadar cepat idioventrikular lebih kurang 50 denyut per minit selalunya tidak memerlukan rawatan. Mereka yang mempunyai kadar cepat yang lambat terutamanya yang mempunyai simptom yang sama akibat asistol sementara atau keluaran jantung yang rendah akibat bradikardia memerlukan perentakan. Pemilihan perentak adalah di luar bidang buku ini. Walaupun rawatan boleh dicuba dengan isopralin rembesan perlahan ( saventrine ) 30 mg setiap 8 jam, walaupun ia selalu tidak berjaya.

### 3.21 SERANGAN STROK ES-ADAMS

Pesakit akan pingsan semasa serangan Strokes-Adams disebabkan oleh anoksia serebrum akibat perhentian aliran. 50 % daripada kes ini diakibatkan oleh jantung terhenti, 25 % oleh takikardia ventrikular dan 25 % oleh fibrilasi ventrikular, semuanya menyebabkan penurunan keberkesanan pam jantung.

Jika ia diakibatkan oleh jantung terhenti ia selalu disebabkan oleh halangan jantung perolehan terutamanya jika iramanya tidak stabil dan berubah-ubah di antara halangan separa atau lengkap. Aliran terhenti berlaku akibat pelambatan pengecutan ventrikular apabila halangan lengkap terhasil dengan tiba-tiba. Pesakit menjadi biru dan denyutannya akan hilang dan bernafas dengan cepat dan dalam. Jika asistol berakhir lebih dari beberapa saat konvulsi akan berlaku. Jika denyutan jantung pulih dengan cepat pesakit akan merah mukanya dan sedar.



## LAPORAN PROJEK 2 (E 519).

kembali. Serangan boleh berlaku dengan frekuensi yang berbeza-beza dan semuanya boleh menyebabkan kematian.

## 3.22 HALANGAN CABANG BERKAS

Selama ini berkas His dianggap terbahagi kepada dua cabang, kiri dan kanan yang membekalkan ventrikel berkenaan. Sekarang disedrai bahawa berkas His terbahagi kepada tiga, bahagian posterior kiri membekalkan bahagian posterior jantung kiri, bahagian anterior kiri membekalkan aspek anterior dan lateral ventrikel kiri dan satu bahagian kanan. Semua bahagian ini boleh tercedera secara terpisah oleh proses penyakit.

Halangan cabang berkas mungkin berlaku secara aktif berikutan infarksi kardium; ia juga mungkin akibat penyakit progresif sistem aliran etiologi yang tidak diketahui dan didapati pada kecacatan septum atrium. Halangan cabang berkas kanan mungkin berlaku pada jantung yang normal.

Halangan cabang berkas itu sendiri tidak menghasilkan sebarang simptom. Pemeriksaan akan menunjukkan punca penyakit jantung jika ada, sebagai tambahan halangan cabang berkas kanan menyebabkan pemisahan bunyi kedua jantung dengan luas dan tetap di kawasan pulmonari. Halangan cabang berkas hanya boleh didiagnosis dengan tepat dengan menggunakan elektrokardium.

Prognosis bergantung kepada penyakit jantung asasnya, selalunya ia tidak memerlukan rawatan. Kepentingan mengenali sistem aliran sebagai satu trifasikular kerana ia mungkin dapat menunjukkan perubahan yang menandakan kecederaan progresif pada sistem dan memberi amaran halangan lengkap menggunakan elektrokardium kerana risiko kehadiran asistol kardium adalah amat merbahaya. Ia amat penting terutamanya berikutan infarksi miokardium kerana asistol mungkin



dapat di cegah dengan menggunakan perentak.

Perubahan elektrokardium yang boleh diperhatikan adalah seperti berikut;

1. Halangan cabang berkas kanan menyebabkan peluasan gelombang S pada dedawai 1 dan pada dedawai permukaan ventrikel kiri dan gelombang R yang luas pada dedawai 3.
2. Halangan lengkap cabang berkas kiri menyebabkan peluasan gelombang R pada dedawai 1, VL dan keseluruhan ventrikel kiri dan gelombang S yang luas pada dedawai 3.
3. Halangan bahagian anterior berkas kiri menyebabkan penghasilan penyimpanan aksi kiri melebihi 60 darjah.
4. Halangan bahagian posterior berkas kiri menyebabkan penghasilan penyimpanan aksis kanan melebihi + 120 darjah.

Gabungan halangan cabang berkas kanan dengan halangan cabang berkas kiri samaada anterior atau posterior selepas infarksi miokardium selalunya memerlukan perentakan. Ia mempunyai prognosis yang buruk walaupun diberikan rawatan yang memuaskan.

Halangan terpencil cabang berkas kanan atau kiri selalunya tidak memerlukan perentakan melainkan terdapat sebab-sebab lain yang berkaitan.

### 3.23 SINDROM WOLFF – PARKINSON – WHITE.

Gangguan kongenital ini adalah akibat laluan tambahan yang menghubungkan atrium dengan ventrikel dan melintasi nodus A – V. gambaran utama sindrom ialah keabnormalan pada ECG dan kecenderungan terhadap aritmia atrium. ECG menunjukkan satu pemendekkan sela P – R (kurang 0.12 saat) dan kompleks QRS yang luas.



Tiga jenis aritmia yang terjadi :

- Takikardia supraventrikular akibat kemasukkan semula melalui laluan tambahan.
- Serangan fibrilasi atrium yang berbahaya kerana aliran menurun laluan tambahan selalunya tidak terhad seperti pada berkas His dan mungkin menghasilkan kadar cepat ventrikular yang cepat. Kejadian kematian meningkat dalam sindrom W – P – W.
- Kadang kala gangguan fungsi nodus sinoatrium boleh berlaku.

Rawatan sebahagian besarnya mengandungi rawatan aritmia yang berlaku. Takikardia supraventrikular akan memberikan gerak balas kepada verapamil intravenus selagikadar cepatnya tidak terlalu tinggi. Walau bagaimana pun, dalam fibrilasi atrium, kadar cepatnya mungkin sangat tinggi dan perencatan laluan tambahan yang perlu bertanggungjawab adalah diperlukan. Ini dapat dicapai dengan kardioversi elektrik atau dengan memberikan infusi disopiramid dengan kadar infusi disopiramid dengan kadar cepat 0.4 mg / kg / jam.

### 3.24 HIPERTENSI.

Boleh ditakrifkan tekanan darah yang normal dan sebutannya di sini tidak memberi sebarang makna. Purata tekaan darah untuk satu kumpulan yang sihat boleh didapati dan purata ini meningkat dengan umur, lebih kurang 120 / 80 pada umur 20 tahun dan meningkat ke lebih kurang 160/ 90 pada umur 60 tahun. Telah terbukti bahawa peningkatan tekanan darah dengan peningkatan umur semakin besar jika tekanan darah semasa mudanya tinggi.



Oleh itu, julat tekanan darah yang luas boleh didapati pada kumpulan orang yang sihat. bagi tujuan insurans nyawa dan pemeriksaan perubatan yang sepertinya, tekanan darah 150 / 90 selalunya digunakan sebagai julat tertinggi tekanan darah normal.

Tekanan darah juga berubah - ubah sepanjang sepanjang hari, paling tinggi ketika bangun pagi dan menurun semasa tidur. Pada subjek normal perbezaan diurnal adalah lebih kurang sistolik 30 mm Hg dan diastolik 10 mm Hg. Tekanan darah juga meningkat dengan emosi, senaman dan sejuk.

Pesakit yang tekanan darahnya berubah - ubah dengan besarnya dengan mana pada satu ketika 'normal' dan pada masa - masa lain meningkat dikenali sebagai mempunyai hipertensi labil. Ia selalunya cenderung untuk mengalami hipertensi berkekalan pada satu ketika nanti walaupun tiada terdapat banyak bukti yang ia benar - benar berlaku.

Untuk rawatan umumnya, pesakit dengan hipertensi labil lebih baik dianggap akan mengalami hipertensi kekal pada suatu hari kelak dan tekanan darahnya mestilah diperiksa pada sela - sela tertentu mungkin setiap tahun.

Hipertensi berpunca apabila tekanan darah melebihi paras normal bagi sesuatu kumpulan umur. Antaranya :

- Hipertensi perlu (80 %)
- Hipertensi berkaitan dengan penyakit renal (20 %).
- Punca - punca lain yang jarang - jarang berlaku.

-hipertensi berkaitan dengan penyakit endokrin, contohnya sindrom cushing, feokromositoma dan aldosteronisme primer (sindrom cohn).



### - Koarktasi aorta.

➤ Sebahagian kecil wanita yang mengambil pil kontraseptif akan mengalami hipertensi yang bebalik apabila pengambilan pil kontraseptif akan mengalami hipertensi yang berbalik apabila pengambilan pil diberhentikan.

➤ Toksemia semasa hamil.

Dengan terjumpanya peningkatan tekanan darah, penelitian sejarah pesakit yang mungkin memberikan maklumat untuk puncanya dan pemeriksaan klinikal yang lengkap adalah perlu. Perhatian teliti hendaklah diberikan terhadap sistem kardiovaskular, termasuk denyut femoral, retina dan air kencing. Adalah penting untuk mengetahui sama ada peningkatan tekanan darah itu kekal atau hanya merupakan hasil kegelisahan akibat berjumpa doktor. Jika tekanan darah didapati meningkat, bacaan hendaklah diulang selepas lima minit berehat dan jika masih meningkat dua bacaan lagi perlu didapati pada waktu yang berlainan. Pesakit hipertensi mestilah menjalani penyelidikan berikut :

- Sinar X – ray.
- Elektrokardiogram.
- Urea darah atau kreatinin
- Elektrolit serum.
- Lipid plasma.

Penyelidikan yang lebih meluas termasuk pielograf, penganggaran VMA air kencing dan ujian fungsi endokrin yang lain hanya diperlukan pada pesakit hipertensi muda yang tidak mempunyai sejarah keluarga atau apabila terdapat tanda klinikal punca – punca hipertensi lain.



## 3.25 HIPERTENSI ASAS.

Punca sebenar hipertensi asas tidak diketahui. Terdapat pelbagai pendapat yang mengatakan hipertensi asas. Ia merupakan kumpulan yang mewakili had teratas di dalam variasi tekanan darah di sekeluruhan populasi. Ia disyaki berkaitan dengan baka dan kerap didapati bukti hipertensi pada ayah atau ibu pesakit.

Faktor – faktor lain yang berkaitan termasuk stres, jumlah garam di dalam makanan dan aktiviti simpatetik yang berlebihan, tetapi perhubungannya masih belum terbukti. Walaupun keabnormalan fisiologi yang paling utama ialah rintangan periferai yang meningkat.

Tekanan darah mungkin berterusan tinggi untuk beberapa tahun tanpa mendatangkan sebarang simptom dan tanda sebenarnya jika paras tekanan melebihi 150 / 90 mm Hg. Ia dianggap abnormal. Sebahagian besar mereka yang berumur di negara ini mempunyai hipertensi perlu dengan mana kebanyakannya tidak mendatangkan sebarang bahaya untuk beberapa tahun. Ramai di antara mereka mati setelah lanjut usia disebabkan penyakit – penyakit lain.

Simptom dan tanda – tanda hipertensi sebenarnya disebabkan oleh kesan peningkatan tekanan darah terhadap sistem kardiovaskular dan jarang sekali terhadap ginjal. Komplikasi tersebut lebih kerap berlaku apabila tekanan darahnya tinggi dan hipertensi bermula semasamuda. Ia kerap berlaku pada lelaki dibandingkan wanita.



### 3.26 HIPERTENSI MALIGNAN (HIPERTENSI DICEPATKAN).

Hipertensi malignan adalah jarang berlaku dan dianggap sebagai gred hipertensi asas yang paling teruk. Walau bagaimanapun pandangan tersebut tidak diterima secara universal. Ia dicirikan oleh tekanan diastolik yang tinggi (selalunya melebihi 140 mm Hg). Perubahan besar pada arteri retina dengan papiloedema dan kegagalan renal progresif. Ia berlaku kebanyakannya kepada pesakit lelaki pada awal umur pertengahan.

### 3.27 RENIN DAN HIPERTENSI.

Renin dirembeskan daripada alat – alat jukstaglomerulus di ginjal. Ia bertindak pada globulin  $a_2$  yang beredaran untuk merembeskan angiotensin I yang seterusnya ditukarkan ke angiotensin II di paru – paru. Bahan tersebut dapat meningkatkan tekanan darah melalui dua cara :

- Vasokonstriksi
- Merangsang perembesan aldosteron oleh korteks adrenal yang dapat menyebabkan retensi natrium oleh ginjal dan oleh itu meningkatkan isi padu aliran.

Dalam hipertensi asas, pesakit dapat dibahagikan kepada kumpulan plasma renin rendah (30 %), plasma renin pertengahan (60 %) dan plasma renin tinggi (10 %). Paras renin dalam hipertensi asas tidak berkaitan dengan jumlah natrium atau kalium yang boleh ditukar ganti di dalam badan badan dan tahap kepentingan secara klinikal kumpulan tersebut masih belum diselesaikan.



Drug mungkin mengubah paras renin, diuretik dapat meningkatkan parasnya dan penghalang  $\beta$  dapat menurunkan parasnya. Walau bagaimana perubahan tersebut kelihatan tidak berkaitan dengan gerak balas terapeutik pesakit.

Dalam hiperaidosteronisme primer akibat adenoma adrenal. Terdapat paras plasma aldosteron yang tinggi dengan paras renin yang rendah disebabkan oleh supresi maklum balas. Jumlah natrium yang boleh ditukar ganti akan meningkat dan menurunkan bagi kalium. Dalam hiperaldosteronisme sekunder yang merumitkan hipertensi dicepatkan dan penyakit ginjal. Kedua – dua paras renin plasma dan aldosteron plasma akan meningkat.



Duga mungkin mengubah paras renin, diuretik dapat meningkatkan paranya dan pengaliran & dapat menurunkan paranya. Walau bagaimana perubahan tersebut kelihatan tidak berkaitan dengan gerak balas terapanik besar.

Dalam hiperaldosteronisme primer akibat adenoma adrenal. Terdapat paras plasma aldosteron yang tinggi dengan paras renin yang rendah disebabkan oleh supresi maklum balas. Jumlah natrium yang boleh dikeluarkan akan meningkat dan menurunkan bagi kalium. Dalam hiperaldosteronisme sekunder yang merumitkan hiperaldosteronisme dan penyakit ginjal. Kedua-dua paras renin plasma dan aldosteron plasma akan meningkat.

## BAB 4

# HEART-LUNG MACHINE



## BAB 4 MESIN HEART LUNG.

### BAB 4.1 PENGENALAN MESIN HEART LUNG.

Salah satu perubahan dalam perubatan adalah direka dan penapisan atau membawa (mutu) bagi edaran yang tidak asli. Juga diketahui bypass 'Heart lung'. Usaha membawa konsep bagi ini ke dalam realiti wujud dekad yang lalu. Salah satu rakyat Amerika yang terkenal, Charles Lindbergh adalah sebahagiannya bertanggungjawab untuk pembinaan yang mungkin bagi edaran yang tidak asli. Tahun selepas membuka jalan penerangan 'trans - atlantic', pasukan Lindbergh dengan Dr. Alexis Carrel, perintis paling utama bagi pembedahan vaskular. Dua antara mereka telah saling berminat dalam memperolehi jalan untuk meletakkan oksigen dalam aliran darah. Oksigen yang asli akan tukar alat dibuat memastikan ia boleh jadi untuk mesin untuk melaksanakan fungsi bagi paru - paru manusia.

Lain - lain saintis yang berani, Dr. John H. Gibbons Jr. (imej pada kanan) meneruskan kejayaan bagi edaran yang tidak asli untuk hampir 3 dekad dalam makmalnya di Kolej Perubatan Jefferson di Philadelphia.

Dr. Gibbons adalah dipercayai dengan pembinaan klinikal pertama yang berjaya bagi 'Heart Lung'. Ia dilaksanakan dengan kejayaan yang pertama digunakan untuk edaran yang tidak asli dalam manusia pada 6 May 1953 di mana beliau menutup liang antara ruang atas jantung pada gadis berumur 18 tahun. Pada mulanya mesin Gibbon ini adalah besar, rumit dan susah untuk diuruskan. Elemen darah akan rosak dengan tindakan mesin ini, menyebabkan masalah peredaran dan merosakkan kegunaan bagi sel darah merah. Walau bagaimana pun dalam pandangan bagi kebolehan untuk membenarkan pembedahan yang dilakukan di dalam jantung manusia untuk pertama kali, bahagian ini kesan bagi bypass 'Heart lung' yang dapat diterima. Perlahan - lahan keselamatan dan



## LAPORAN PROJEK (E 519)

keselesaian menggunakan peralatan heart lung dapat dibaiki. Pada bahagian tertentu trauma minimal darah sehingga kebiasaannya tempoh menyokong 'Heart lung'. Ia membenarkan pakar bedah untuk menggunakan teknologi ini dengan baik. Mendapatkan keseluruhan keputusannya. Ia sekarang lazimnya untuk pakar bedah untuk memberhentikan degupan jantung sama ada untuk beberapa jam sehingga edaran dikekalkan dengan baik, komersial memilih peralatan sokongan bypass 'Heart Lung'.

Kepentingan mesin 'Heart lung' ini (juga diketahui pam – oksigenator atau bypass cardiopulmonari) adalah sebenarnya sama sekali mudah. Darah biru (tiub) keluar dari ruang jantung atas adalah salur keluar (dengan siphon graviti) ke dalam takungan. Dari situ darah dipam melalui paru – paru yang tidak asli. Komponen ini direka untuk mendedahkan darah kepada oksigen. Darah melalui paru – paru yang tidak asli (juga diketahui oksigenator), darah datang dalam sentuhan permukaan luar yang elok pada peralatan itu sendiri. Gas oksigen adalah dihantar ke permukaan sempadan antara darah dan peralatan membenarkan sel darah untuk diserap secara terus-molekul oksigen. Sekarang darah merah dalam warnanya menunjukkan ia kaya dengan kandungan oksigen dikehendaki di hantar ke pelbagai tisu badan. Akhirnya, mesin 'Heart lung' dengan giatnya mengepam darah merah kembali ke pesakit, darah merah pergi ke badan, darah biru (tiub) kembali dari badan dan ditakungan ke dalam paru – paru untuk menyempurnakan peredaran.

Mesin 'Heart lung' yang moden, adalah sebenarnya lebih maju dan serba boleh berbanding dengan penerangan yang diberikan. Dalam keadaan ini, pam – oksigenator boleh melakukan nombor bagi lain – lain tugas perlu untuk kesempurnaan yang selamat untuk pembedahan 'Open – Heart'. Pertama sebarang darah yang mana terlepas dalam edaran dan jatuh ke dalam kawasan pembedahan jantung boleh kembali dan disedut ke pam. Sifat ini boleh jadi sebab darah dibalas tidak mampu untuk gumpal dengan dos yang besar heparin. Kembali darah dibiarkan ke dalam mesin 'Heart lung' sangat memelihara darah



## LAPORAN PROJEK (E 519)


pesakit yang disimpan semasa pembedahan. Kedua, suhu badan pesakit boleh dikawal dengan berhati – hati memilih 'cooling atau heating' darah. Ia bergerak melalui mesin 'Heart lung'. Demikian pakar bedah boleh menggunakan suhu rendah badan pada peralatan yang memelihara fungsi pada jantung dan lain – lain keperluan organ sehingga tempoh bagi edarannya. Dan pam bypass boleh disambung dalam mana – mana ubatan atau perubatan dan anestetik yang boleh diberikan. Dan cara ini, ubatan yang sampai ke pada pesakit hampir serta merta dengan mudah dijumlahkan semua ke dalam darah pada takungan 'Heart lung'.

Untuk memulakan bypass 'Heart lung', pakar bedah mesti pertama melemahkan sistem badan pesakit. Darah pesakit boleh disalurkan segera dengan mendedahkan kepada tiub plastik dan permukaan luar mesin 'Heart lung' itu sendiri. 'Anticoagulation' adalah sesuai dengan pertama yang bertindak dengan kuasa anticoagulant yang dipanggil heparin. Satu gumpalan adalah melemahkan dikeluarkan satu tiub besar yang ditempatkan di atas ruang pada jantung (dipanggil atrium kanan) . Tiub salur keluar darah biru dari pesakit ke dalam mesin 'Heart lung'. Kemudian tiub kecil adalah diletakkan ke dalam sistem arterial jadi darah merah boleh kembali ke pada badan pesakit. Di mana ia diperlukan. Bahagian yang penting untuk tiub ini adalah dalam aorta (hanya di atas tempat di mana vena yang dipindahkan pada anggota lain dapat disambungkan). Gambar di bawah standard tiub 'Heart lung' (juga diketahui Cannulae) selepas ia dimasukkan ke dalam pesakit mengalami CABG, tetapi sebelum edaran tidak asli boleh dikukuhkan.




pesakit yang disambung semasa pembedahan. Kedua, suhu badan pesakit boleh dikawal dengan bererti – iaitu memilih 'cooling atau heating' darat. Ia bergerak melalui mesin 'Heart lung'. Demikian pakar bedah boleh menggunakan suhu rendah badan pada peralatan yang memelihara fungsi pada jantung dan lain – lain keperluan organ sehingga tempoh bagi edarannya. Dan pam bypass boleh disambung dalam mana – mana ubatan atau perubatan dan anestetik yang boleh diberikan. Dan cara ini, ubatan yang sampai ke pada pesakit hampir sama mana dengan mudah dijumpaikan semua ke dalam darah pada takungan 'Heart lung'.

Untuk memulakan bypass 'Heart lung', pakar bedah mesti pertama memulakan sistem badan pesakit. Darah pesakit boleh disalurkan segera dengan mendedahkan kepada sub plastik dan permukaan luar mesin 'Heart lung' itu sendiri. 'Anticoagulation' adalah sesuai dengan pertama yang bertindak dengan kuasa anticoagulant yang dipanggil heparin. Satu gumpalan adalah memulakan dikeluarkan satu tiub besar yang ditempatkan di atas ruang pada jantung (dipanggil atrium kanan). Tiub salur keluar darah dari pesakit ke dalam mesin 'Heart lung'. Kemudian tiub kecil adalah diletakkan ke dalam sistem arterial jadi darah merah boleh kembali ke pada badan pesakit. Di mana ia diperlukan. Bahagian yang penting untuk tiub ini adalah dalam corot (hanya di atas tempoh di mana vena yang dipindahkan pada anggota lain dapat disambungkan). Gambar di bawah standard tiub 'Heart lung' juga dikenali Cannulae) selepas ia dimasukkan ke dalam pesakit mengahami CABG, tetapi sebelum edaran tidak asli boleh dikurangkan.




Salah satu 'Cannulae' diletakkan di dalam pesakit dan dibuat penyambungan pada mesin 'Heart lung' (melalui tiub plastik penyambung) mesin boleh sekarang mengambil alih aktiviti pam pada jantung dan oksigen dialihkan aksi pada paru – paru seperti dinyatakan di atas. Gambar betul – betul mesin 'Heart lung' dan ia dipasang peralatan adalah senang dilihat.





Semasa tempoh bagi peredaran yang tidak asli, mesin adalah diperhatikan pada setiap masa dengan jumlah teknik khas yang dipanggil 'perfusionist'. Perseorangan yang tinggi dilatih dalam semua aspek bagi edaran yang tidak asli dan peralatan yang rumit. Setiap pembedahan jantung yang perlu diusahakan dan 'perfusionist' dilatih untuk mengurus semua aspek pada mesin 'Heart lung'. Semasa masa bagi edaran yang tidak asli. 'Perfusionist' memastikan fungsi pada pam dan juga mengetuai penghantaran darah kembali pada pesakit. Kandungan oksigen dalam darah dan lain – lain parameter penting.



Tubing To and From  
Heart Lung Machine

Dalam rajah ini, ia senang untuk dilihat tiub plastik yang digunakan untuk menyambung pada mesin 'Heart lung' pada pesakit semasa pembedahan batul – betul. Pakar bedah membaikpulih jantung, 'perfusionist' memastikan pengaliran darah yang kaya oksigen pada badan yang rehat.



Selepas juruteknik pada pembedahan jantung yang sempurna, jantung berdegup dikembalikan kekuatan jantung itu sendiri. Pengecutan diperolehi kuat dan betenaga. Mesin 'Heart lung' boleh dikeluarkan. Kemudian tiub akan diubahkan atau digerakkan daripada peredaran pesakit dan 'anticoagulation' ubatan adalah dibezakan dengan dadah 'antidole' yang dipanggil 'protamine'.

## 4.2 BYPASS CARDIO PULMONARI.

### 4.2.1 PERFUSIONIST DAN MESIN HEART LUNG.

#### Bahagian mesin Heart lung yang manakah yang berfungsi?

Dalam arahan untuk pakar bedah untuk melakukan pembaikpulihan jantung perlu melakukan kira – kira kosong dalam kes, ia perlu dihentikan untuk sementara . ini bermaksud ia untuk satu tempoh yang pendek. Semasa pembedahan darah yang mana edaran yang normal melalui jantung dan paru – paru tidak boleh lakukan. Ia memberi pakar bedah keadaan yang baik di bawah yang mana untuk membedah. Jadi jantung dan paru – paru adalah tidak berfungsi. Mesin 'Heart lung' akan mengambil alih. Ini disebut bypass 'Cardio – pulmonari'.

#### Apakah yang dilakukan oleh Mesin 'Heart lung'?

Mesin 'Heart lung' adalah sangat sofistikated rekaan mesinnya adalah untuk :

- Mengambil alih tugas jantung – dan jadi ia mengepam darah keseluruhan badan.
- Mengambil alih tugas paru – paru – jadi ia mencampurkan oksigen dalam darah dan membuang karbon dioksida.




## LAPORAN PROJEK (E 519)

## Apa yang tepat dibuat oleh mesin 'Heart lung'?

Mesin ini sendiri mempunyai 4 pam darah yang tepat. Dalam penambahan, ia mempunyai alat pemanas atau penyejuk untuk kawal suhu dan unit mikropemproses persendirian yang mana mengetahui dan mengawal suhu pesakit. Gas yang dibekalkan dan sistem keselamatan.

Dibawah adalah diagram bagi peredaran yang ditunjukkan pada keadaan pesakit, oksigenator, pam dan filter.



Pam mengambil alih kerja yang dilakukan oleh jantung dan pam darah melalui oksigenator dan kembali ke pesakit.

## Apakah yang terdapat pada mesin (asas)?

Bahagian daripada mesin, kita menggunakan oksigenator yang boleh dibuang dan tiub peredaran yang boleh dibuang dari mesin 'Heart lung'. Fungsi oksigenator adalah sama dengan paru – paru pesakit dan untuk masa semasa pembedahan boleh disesuaikan dengan paru – paru. Darah mengalir melalui



Apa yang tepat dibuat oleh mesin 'Heart lung'?

Mesin ini sendiri mempunyai 4 parti dalam yang tepat. Dalam pembedahan ia mempunyai alat pemamasa atau penyujuk untuk kawal suhu dan untuk proses pengaliran yang mana mengawal dan mengawal suhu pesakit. Gas yang dibekalkan dan sistem keselamatan.

Dibawah adalah diagram bagi peredaran yang ditunjukkan pada keadaan pesakit, oksigenator, pam dan filter.

Pam mengambil alih kerja yang dilakukan oleh jantung dan pam darah melalui oksigenator dan kembali ke pesakit.

Apakah yang terdapat pada mesin (asas)?

Bagian daripada mesin, kita menggunakan oksigenator yang boleh dibuang dan tiub peredaran yang boleh dibuang dari mesin 'Heart lung'. Fungsi oksigenator adalah sama dengan paru – paru pesakit dan untuk masa semasa pembedahan boleh disesuaikan dengan paru – paru. Darah mengalir melalui

oksigenator, oksigen boleh dicampur dengan darah. Dan karbon dioksida boleh dibuang dan tahap yang sesuai untuk setiap gas dapat dikawal.

